

TAFSIR NUR AL-IHSAN

EDISI RUMI DAN TAHKIK
HAJI MUHAMMAD SA'ID BIN UMAR
SURAH AL-MULK HINGGA SURAH AL-NAS

TAFSIR NUR AL-IHSAN

EDISI RUMI DAN TAHKIK
HAJI MUHAMMAD SA'ID BIN UMAR
SURAH AL-MULK HINGGA SURAH AL-NAS

Pentahkik

Haziyah Hussin • Mohd Nazri Ahmad • Wan Nasyrudin Wan Abdullah
Latifah Abdul Majid • Muhd. Najib Abdul Kadir
Fadlan Mohd Othman • Nor Syamimi Mohd

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

PERSATUAN KELUARGA HJ. MOHD SAID MUFTI MALAYSIA
[PPM-001-14-0307200]
Suite B-09-07, Plaza Mont Kiara, No. 2 Jalan Kiara
Mont Kiara, 50480 Kuala Lumpur

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
REKA CETAK SDN. BHD.
No. 12 & 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D
Seksyen 16, 40200, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
www.rekacetak.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-301-9

Kandungan

Prakata ... 9

Biografi Pengarang ... 11

Pengenalan Kitab Tafsir Nur Al-Ihsan ... 15

Metode Perumian dan Pentahkikan ... 19

Surah al-Mulk (*Makkiyyah*) ... 25

Surah Nun (*Makkiyyah*) ... 31

Surah al-Haqqah (*Makkiyyah*) ... 40

Surah al-Ma‘arij (*Makkiyyah*) ... 48

Surah Nuh (*Makkiyyah*) ... 54

Surah al-Jin (*Makkiyyah*) ... 59

Surah al-Muzzammil (*Makkiyyah*) ... 65

Surah al-Muddaththir (*Makkiyyah*) ... 70

Surah al-Qiyamah (*Makkiyyah*) ... 78

Surah al-Insan (*Makkiyyah*) ... 84

Surah al-Mursalat (*Makkiyah*) ... 91

Surah al-Tasa’ul (*Makkiyyah*) ... 98

Surah al-Nazi‘at (*Makkiyyah*) ... 105

Kisah Musa ... 107

Surah ‘Abasa (*Makkiyyah*) ... 112

Surah al-Takwir (*Makkiyyah*) ... 117

Surah al-Infitar (*Makkiyyah*) ... 121

Surah al-Tatfif (*Makkiyyah*) ... 125

Surah al-Insyiqaq (*Makkiyyah*) ... 131

Surah al-Buruj (*Makkiyyah*) ... 135

Surah al-Tariq (*Makkiyyah*) ... 140

Surah al-A‘la (*Makkiyyah*) ... 143

Surah al-Ghasyiyah (*Makkiyyah*) ... 146

Surah al-Fajr (*Makkiyyah*) ... 150

Surah al-Balad (*Makkiyyah*) ... 156

Surah al-Syams (*Makkiyyah*) ... 160

Surah al-Layl (*Makkiyyah*) ... 163

Surah al-Duha (*Makkiyyah*) ... 167

Surah al-Insyirah (*Makkiyyah*) ... 170

Surah al-Tin (*Makkiyyah*) ... 172

Surah al-‘Alaq (<i>Makkiyyah</i>) ...	174
Surah al-Qadr (<i>Makkiyyah</i>) ...	178
Surah al-Bayyinah (<i>Madaniyyah</i>) ...	170
Surah al-Zilzal (<i>Madaniyyah</i>) ...	183
Surah al-‘Adiyat (<i>Makkiyyah</i>) ...	185
Surah al-Qari‘ah (<i>Makkiyyah</i>) ...	187
Surah al-Takathur (<i>Makkiyyah</i>) ...	189
Surah al-‘Asr (<i>Makkiyyah</i>) ...	191
Surah al-Humazah (<i>Makkiyyah</i>) ...	193
Surah al-Fil (<i>Makkiyyah</i>) ...	195
Kisah <i>Ashab al-Fil</i> ...	195
Surah Quraaisy (<i>Makkiyyah</i>) ...	198
Surah al-Ma‘un (<i>Makkiyyah</i>) ...	199
Surah al-Kauthar (<i>Makkiyyah</i>) ...	201
Surah al-Kafirun ...	203
Surah al-Nasr (<i>Madaniyyah</i>) ...	205
Surah al-Lahab (<i>Makkiyyah</i>) ...	207

8 / *Tafsir Nur al-Ihsan Edisi Rumi dan Tahkik*

Surah al-Ikhlās (*Makkiyyah*) ... 209

Fadilat ... 210

Surah al-Falaq (*Makkiyyah*) ... 211

Surah al-Nas (*Madaniyyah*) ... 213

Khatimah ... 214

Nota ... 215

Rujukan ... 231

Indeks ... 237

Tanda Perakuan Betul Lembaga ...

Senarai Ahli Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks al-Qu'ran ...

Prakata

Segala pujian hanya ditujukan kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga dan sahabat baginda sekalian.

Ilmu Tafsir al-Quran adalah sebaik-baik ilmu berdasarkan kepada ketinggian nilai fokus perbincangannya iaitu al-Quran itu sendiri. Untuk mendekatkan kefahaman manusia kepada makna al-Quran dan memudahkan penghayatan, ulama telah berusaha dengan penuh dedikasi menyelami erti-erti al-Quran dengan menggunakan pelbagai kemahiran ilmiah. Proses ini telah menghasilkan pelbagai kitab tafsir sejak dari dahulu sehinggalah dewasa ini. Dalam konteks dunia Melayu, ulama Tanah Melayu juga tidak pernah ketinggalan dalam membantu masyarakat memahami al-Quran dan menghasilkan karya-karya dalam bidang tafsir. Antara mereka ialah Haji Muhammad Sa'id bin Umar, yang dilahirkan pada tahun 1270H/1854M di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah Darul Aman. Beliau telah menghasilkan kitab tafsir yang berjudul *Tafsir Nur al-Ihsan*. Kitab ini sangat istimewa kerana ia adalah kitab tafsir Melayu pertama yang dihasilkan oleh anak tempatan pada tahun 1925 dan pentafsirannya lengkap 30 juzuk al-Quran.

Tafsir Nur al-Ihsan masih dijadikan sebagai teks pengajian tafsir dalam kalangan masyarakat awam di masjid dan madrasah, malah di sesetengah institusi pengajian pondok. Walau bagaimanapun, penerbitan tafsir ini dengan menggunakan bahasa Melayu lama dan tulisan jawi membataskan sasaran pembacanya kepada golongan tertentu sahaja. Apatah lagi kondisi persembahan teks kitab lama yang tiada perenggan dan tanda bacaan serta perbezaan sistem ejaan jawi menimbulkan kesulitan kepada pembaca untuk memahaminya. Di samping itu, kajian-kajian yang telah dijalankan mendapati tahap literasi masyarakat Malaysia dalam menguasai jawi adalah lemah. Hal ini memungkinkan khazanah kitab Melayu Jawi termasuk *Tafsir Nur al-Ihsan* diabaikan. Oleh itu, keperluan kepada perumian kitab ini sangat jelas bagi memulihara pusaka bangsa agar terus kekal dimanfaatkan oleh ummah.

Tafsir ini juga menjadi sebahagian bahan kajian ilmiah dan rujukan bagi kursus pengajian di universiti. Kajian-kajian yang dijalankan ke atas tafsir ini mendapati beberapa aspek keabsahan maklumat yang terkandung di dalamnya perlu diteliti semula. Antaranya ialah isu validiti riwayat hadis dan athar kerana pengarang *Tafsir Nur al-Ihsan* banyak membawakan makna hadis tanpa mengemukakan *sanad*, matan, hukum atau sumbernya. Selain itu, kajian mendapati banyak riwayat palsu dan *Isra'iliyyat* dimuatkan dalam tafsir ini terutamanya dalam menggambarkan perihal cerita para nabi dan rasul. Pengarang pula tidak mengemukakan sebarang komentar terhadapnya. Hal ini boleh mengelirukan para pembaca dan sebahagiannya mendorong mereka mempercayai perkara-perkara khurafat. Perkara-perkara ini telah mendorong perumian tafsir ini dan pentahkikan kandungannya

dilakukan dengan harapan warisan ilmiah Melayu ini dapat dilestarikan. Perumian teks yang baik hendaklah disertai pentahkikan sepertimana amalan ahli filologi ketika mereka merumikan sesebuah karya. Manakala pentahkikan dapat menjadikan *Tafsir Nur al-Ihsan* lebih berautoriti setelah pembaca dapat mengenalpasti lafaz dan sumber hadis, mengetahui darjat hadis, menentukan nombor ayat al-Quran, mengetahui maksud perkataan ganjil dan bahasa Melayu klasik, mengenali biografi ringkas nama-nama tokoh yang dinyatakan dalam kitab serta memahami pentafsiran ayat yang disampaikan oleh pengarang.

Usaha pentahkikan ini dapat melonjakkan nilai ilmiah *Tafsir Nur al-Ihsan*, menolak sebarang keraguan padanya di samping memberi nilai tambah kepada kandungannya. Penerbitan semula tafsir ini dalam edisi rumi dan tahkik diyakini akan mengukuhkan lagi kedudukan karya Muhammad Sa'id ini di sisi masyarakat serta mempermudah akses mereka kepada tafsir al-Quran. Proses perumian dan pentahkikan tafsir ini dilaksanakan di bawah geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, iaitu UKM-GUP-2014-036 "Pemulihan peradaban Islam melalui transliterasi teks Melayu Jawi *Tafsir Nur al-Ihsan*" dan diselesaikan di bawah geran penyelidikan PP-2019-011 yang dibiayai oleh Persatuan Keluarga Hj. Mohd Saa'id Mufti Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, Persatuan Keluarga Hj Mohd Saa'id Mufti Malaysia, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah dan Fakulti Pengajian Islam UKM. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Haziyah Hussin

Mohd Nazri Ahmad

Wan Nasyrudin Wan Abdullah

Latifah Abdul Majid

Muhd. Najib Abdul Kadir

Fadlan Mohd Othman

Nor Syamimi Mohd